



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

HARI KANSER SEDUNIA

4 FEBRUARI 2024

Hari Kanser Sedunia pada tahun ini yang akan disambut pada 4 Februari 2024 telah pun memasuki tahun ketiga dengan membawa tema ***Close the Care Gap***. Pada tahun pertama sambutan Hari Kanser Sedunia, tema ini diangkat dengan tujuan meningkatkan kesedaran serta pemahaman tentang kanser dan kesukaran dalam mencapai kesamaan dalam penjagaan kanser bagi setiap lapisan masyarakat di seluruh dunia. Usaha ini diteruskan pada tahun kedua iaitu pada tahun 2023 dengan memastikan semua pesakit kanser mendapatkan serta menerima penjagaan kanser yang sepatutnya.

Tahun 2024 merupakan tahun terakhir dengan tema ***Close the Care Gap***. Pada tahun ini, penekanan diberikan kepada penjagaan kanser yang menumpukan kepada keperluan pesakit secara keseluruhannya dan bukanlah kepada penyakit sahaja. Transformasi daripada *tumor-centred* kepada *patient-centred* ini menekankan kepentingan kesejahteraan fizikal dan psikologi pesakit kanser. Ini dapat dilaksanakan dengan memastikan transisi kepada penjagaan berasaskan *patient-centred* ini dibantu dengan navigasi pesakit (*patient navigation*) dalam memenuhi keperluan pesakit kanser yang begitu komprehensif termasuk kepakaran perubatan dan empati oleh sistem kesihatan.

Registri Kanser Malaysia melaporkan sejumlah 168,822 kes kanser baru bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2017 hingga tahun 2021. Kanser payudara, diikuti kanser kolorektal, kanser paru-paru, kanser limfoma dan kanser hati merupakan lima (5) kanser dengan insiden tertinggi dilaporkan bagi tempoh yang sama. Dari segi kematian disebabkan kanser, laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2023 menunjukkan kanser sebagai kematian keempat tertinggi di Malaysia, meningkat dari 10.5% pada tahun 2021 ke 12.6% pada tahun 2022. Kanser juga merupakan sebab utama kematian di hospital-hospital swasta (26.44%) dan sebab kematian keempat di hospital KKM (9.29%) berdasarkan Laporan Fakta Kesihatan Malaysia 2023. Kematian yang tinggi ini juga dapat dikaitkan dengan pengesanan penyakit di tahap yang lewat iaitu pada tahap III dan tahap IV yang tinggi melebihi 60% dari keseluruhan kanser yang dilaporkan (berdasarkan laporan oleh Registri Kanser Malaysia). Tahap kanser semasa penyakit dikesan menyumbang kepada kadar kelangsungan hidup pesakit-pesakit kanser.

Aspirasi KKM seperti yang dinyatakan dalam tonggak 3 Kertas Putih Kesihatan (HWP) dalam memastikan pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama akan memastikan rakyat menerima perkhidmatan komprehensif yang tidak terikat kepada kemampuan termasuk penjagaan kesihatan bagi pesakit kanser. Strategi reformasi ini akan menyumbang ke arah pengurangan perbelanjaan *out-of-pocket* (OOP) serta mengurangkan perbelanjaan kesihatan yang memudaratkan. Selain itu, misi tonggak 2 HWP dalam mempertingkatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit termasuk penyakit kanser, dengan memperkukuhkan fungsi kesihatan awam akan diteruskan melalui aktiviti promosi dan pencegahan terutama di fasiliti kesihatan primer KKM. Ini termasuk saringan bagi kanser kolorektal

menggunakan ujian IFOBT yang boleh didapati di Klinik Kesihatan seluruh Malaysia serta saringan bagi kanser payudara melalui pemeriksaan klinikal atau pemeriksaan sendiri dan ujian mammogram, saringan kanser servik melalui ujian calitan pap (*Pap Smear*) dan ujian HPV serta pemeriksaan mulut sendiri atau pemeriksaan tahunan ke klinik kesihatan bagi aktiviti saringan kanser mulut.

Justeru, sempena sambutan hari Kanser Sedunia pada tahun ini, saya menyeru kepada rakyat Malaysia untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat melalui pemakanan yang sihat, kekal aktif secara fizikal, tidak merokok dan tidak mengambil alkohol. Pemberian vaksin seperti vaksin Hepatitis B kepada bayi melalui Program Imunisasi Kebangsaan serta vaksin *Human Papillomavirus* (HPV) yang ditawarkan kepada remaja perempuan berusia 13 tahun juga adalah sebahagian daripada usaha KKM dalam pencegahan kanser di Malaysia yang perlu disahut baik oleh semua lapisan masyarakat. Jalani saringan kanser bagi tujuan pengesanan kanser lebih awal kerana pengesanan kanser pada tahap awal dapat meningkatkan kadar kelangsungan hidup, mengurangkan morbiditi dalam kalangan pesakit kanser dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup pesakit kanser.

Ayuh berganding bahu menyokong KKM untuk mengurangkan beban kanser yang kian meningkat dan bersama-sama menangani jurang penjagaan kanser di negara kita.

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
MENTERI KESIHATAN
4 FEBRUARI 2024